




AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 10 BILANGAN 34 RABU 1 DISEMBER, 1965 1385 رابو 8 شعبان PERCHUMA



250 ORANG DARI BRUNEI KAMEKAH TAHUN HADAPAN

KAPAL HAJI BERLABOH DI-UJONG SAPO

BANDAR BRUNEI. — Seramai 250 orang dari Negeri Brunei telah mendaftarkan nama untuk menunaikan fardhu Haji pada tahun hadapan.

Awang Abdullah Lakim Johan Bachaan Al-Koran Daerah Brunei dan Muara Tahun 1965.

Januari, 1966 dan akan berlaboh di-Ujong Sapo.

Bakal2 jema'ah Haji dari Brunei akan belayar ka-Ujong Sapo pada pagi hari tersebut dan menaiki kapal Haji itu dari sana.

Kapal itu akan belayar pada tengah hari 26 Januari. Ia tidak akan singgah di-Labuan. Tetapi akan terus belayar ka-Kuching dalam pelayaran ka-Jeddah melalui Singapura dan lain2 pelabuhan.

Menurut surat itu lagi, dalam pelayaran balek dari Tanah Suchi, kapal Anshun akan juga berlaboh di-Ujong Sapo.

Maka dengan hal yang sademikian, dapatlah memberikan kesenangan kepada umat Islam dari Negeri Brunei menunaikan fardhu Haji dengan tidak payah belayar dari Brunei ka-Labuan dan dari sana menaiki kapal untuk belayar ka-Tanah Suchi.

KURSUS HAJI

BANDAR BRUNEI. — Umat Islam di-Daerah Brunei dan Muara yang akan menunaikan fardhu Haji pada tahun 1966 telah menghadiri KURSUS HAJI di-Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada hari Sabtu 27 November, 1965.

Kursus Haji untuk bakal2 jema'ah Haji dari lain2 Daerah ada-lah seperti berikut:

DAERAH TUTONG: Tempat — Masjid Pekan Tutong. Tarikh — Hari Khamis 2 Disember, 1965 mulai jam 10 pagi.

DAERAH TEMBURONG: Tem-

pat — Masjid Pekan Bangar. Tarikh — Hari Sabtu 4 Disember, 1965 mulai jam 10.30 pagi.

DAERAH BELAIT: Tempat — Masjid Mohamed Jamalul Alam, Kuala Belait. Tarikh — Hari Khamis 9 Disember, 1965 mulai jam 10 pagi.

Bakal2 jema'ah Haji dari Daerah2 Tutong, Temburong dan Belait yang akan menunaikan fardhu Haji pada tahun hadapan ada-lah di-jemput hadir ka-Masjid di-Daerah masing2 untuk mendengar penerangan2 dan sharahan2 yang akan di-berikan semasa di-adakan Kursus Haji itu.

Semua bakal2 jema'ah Haji dari Negeri Brunei, kata Awang Ibrahim, akan belayar ka-Tanah Suchi dalam satu pelayaran sahaja pada tahun hadapan.

Kapal terbang yang akan membawa bakal2 jema'ah Haji dari Brunei ka-Tanah Suchi akan berangkat dari Lapangan Terbang Kuala Lumpur pada 22 Mach, 1966 dan balek pada 18 April, 1966 ia-itu sa-lepas bakal2 jema'ah Haji itu menunaikan fardhu Haji.

Sementara itu, menurut satu berita rasmi dari Sharikat Borneo Berhad, ia-itu wakil bagi pehak Sharikat China Navigation Berhad, Kapal "Anshun" yang akan membawa bakal2 jema'ah Haji dari Negeri Brunei ka-Jeddah, di-jangka tiba di-perayeran Brunei pada waktu suboh 26

Empat orang peserta2 perempuan dan empat orang peserta2 lelaki akan mewakili Daerah Brunei dan Muara dalam Peraduan Bachaan Al-Koran Kejohanan Sa-Negeri Brunei yang akan di-adakan di-kawasan "lagoon" Masjid Omar Ali Saifuddin pada malam 9 dan 10 Disember, 1965. Peserta2 perempuan tersebut ia-lah Dayang Aminah binti Siling, Dayang Hamdiah binti Awang Angkat, Dayang Kula binti Haji Idris dan Dayang Latifah binti Haji Ya'akub. Gambar ini di-ambil di-studio Radio Brunei semasa sa-orang dari peserta2 perempuan tersebut merakamkan suara-nya untuk di-pancarkan melalui Radio Brunei.



PERLAHAN-LAHAN BUNYI-NYA GENDANG — GENDANG DI-PALU OLEH PEMANDU. TARIAN BERNAMA TARIAN MAMBAK — DI-TARIKAN OLEH PENGIRAN BONGSU.

Pengiran Bongsu kelihatan dalam gambar ini mempersembahkan sa-buah tarian asli bernama "Tarian Mambang" di-Majlis Mengucapkan Selamat Berpindah ka-Pejabat Baru, Bahagian Kumpulan Lori2 Jabatan Kerja Raya, Brunei pada petang hari Juma'at yang lalu. Di-antara pemerhati2 yang telah di-adakan di-majlis tersebut ia-lah persembahan Tarian2 dan Nyanyian2 serta Permainan Gambus Asli Brunei oleh Pemandu2 Lori Jabatan Kerja Raya.



Peraduan Cherpen Untok Bachaan Kanak-Kanak

BANDAR BRUNEI. — Penulis2 dalam Negeri Brunei ada-lah dipelawa untok memasoki Peraduan Cherpen Untok Bachaan Kanak2. Syarat2 peraduan adalah saperti berikut:-

Peraduan ini terbuka kapada penulis2 dalam Negeri Brunei sahaja.

Cherpen untok peraduan ini mesti-lah sesuai untok bachaan kanak2 yang berumur 6 tahun hingga 10 tahun.

Bahan2 cherpen mesti-lah merupakan chiptaan asli penulisnya sendiri dan belum pernah di-terbitkan melalui buku2 atau majallah2 atau di-siarakan melalui radio.

Panjang cherpen mesti-lah diantara 1,000 dan 1,500 perkataan.

Setiap cherpen yang di-hantar untok memasoki peraduan, hendak-lah di-sertakan de-

ngan borang "PERADUAN CHERPEN KANAK2".

Cherpen hendak-lah di-tulis di-atas kertas keping ukuran biasa (kertas kajang) pada sebelah muka sahaja.

Jika menggunakan mesin tulis (taip) buat-lah dengan jarak dua barisan ("double spacing") dan hendak-lah di-hantar sebanyak tiga salinan.

Peraduan cherpen ini akan di-top pada 31 Januari, 1966.

Keputusan hakim dalam peraduan ini ada-lah mu'tamad dan sebarang bantahan tidak akan di-layani.

Borang dan keterangan lanjut mengenai peraduan cherpen ini boleh di-dapati dari Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Hadiah2 akan di-berikan kapada pemenang2 yang berjaya.

Cherpen hendak-lah di-hantar kapada:-

PERADUAN CHERPEN BACHAAN KANAK2, d/a Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Brunei, Brunei.

PERINGATAN:

Pegawai2 Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei tidak di-benarkan memasoki peraduan ini baik sechara langsung atau pun tidak langsung.



Pengiran Haji Metussin bin Pengiran Piut telah bersara dari Perkhidmatan Kerajaan Brunei setelah berkhidmat selama hampir 43 tahun. Beliau mulai berkhidmat sebagai Guru di-Sekolah Melayu Pekan Brunei pada 1 Jan., 1923 dan menjadi "Chegu" selama 5 tahun.

Kemudian beliau telah "mengu-chapkan Selamat Tinggal ka Alam Perguruan" dan berkhidmat dengan Jabatan Kerja Raya sa-bagai sa-orang Pemandu Kereta pada awal bulan Februari tahun 1929.

Semenjak masa itu hingga-lah ka-masa beliau bersara Pengiran Haji Metussin telah menjawab beberapa jawatan dalam Jabatan Kerja Raya. Antara jawatan2 itu ia-lah sa-bagai sa-orang Draftsman, Kerani, Kerani Besar dan Pegawai Perjawatan Persaorangan.

Dalam gambar ini kelihatan Jurutera Negara, Brunei Awang Wadell menyampaikan sa-buah chenderamata kapada Pengiran Haji Metussin (kanan) di-satu majlis yang telah di-adakan baru2 ini sa-bagai menguchapkan Selamat Bersara kapada Pengiran Haji Metussin.

Malam Aneka Ria S. M. Pintu Malim

PINTU MALIM.—Sekolah Melayu Pintu Malim, Bandar Brunei akan mengadakan Malam Aneka Ria sebagai penutup persekolahan tahun ini pada 15 Disember, 1965, bertempat di-Sekolah tersebut.

Di-antara achara-achara yang akan di-adakan ia-lah Peraduan Pakaian Beragam terbuka kapada orang ramai, Peraduan Nyanyian terbuka, persembahan Lawak Jenaka dan Nyanyian Brunei Asli serta lain-nya.

Orang ramai yang ingin memasoki peraduan2 tersebut atau yang ingin mempersembahkan Lawak Jenaka dan Nyanyian Brunei Asli di-persilakan berhubung dengan Setia Usaha Malam Aneka Ria, Sekolah Melayu Pintu Malim Brunei tidak lewat pada 9 Disember, 1965.

Lagu-lagu yang terbuka kapada orang ramai ia-lah:

1. Bersendirian (Nyanyian Rahim Omar);
2. Kechiwa juga sudah-nya (Taufek Hj. Ali);
3. Jalingan Manja (Nyanyian Rahim Omar);
4. Malam Terakhir (Nyanyian Rahim Omar);
5. Salina (Nyanyian Rahim Omar).

Sementara itu pada 14 Disember, 1965 mulai jam 7.30 malam Pertunjukan Wayang gambar perchuma dari Jabatan Penyiaran dan Penerangan Brunei akan di-adakan di-sekolah tersebut. Orang ramai di-persilakan datang untok menyaksikan-nya.

Kursus Pemimpin2 Pengakap

SERIA. — Satu Kursus Pemimpin Patrol2, Pengakap2 Daerah Belait telah di-langsungkan di-Ibu Pejabat Pengakap Seria mulai pada hari Sabtu 20 November hingga ka-hari Ithnin 22 November.

Kursus tersebut telah di-kelolakan oleh Pesuruhjaya Pengelola Pengakap Negeri Brunei, Pengiran Tajuddin bin Pengiran Ahmad Penolong Pesuruhjaya Pengakap Daerah Belait, Awang H. A. D. Sulaiman.

Majlis Menyampaikan Sijil2 M.P.M.B.

BANDAR BRUNEI. — Maktab Perguruan Melayu Brunei akan mengadakan satu Majlis Menyampaikan Sijil2 di-Dewan Bangunan Guru2 Melayu Brunei pada malam 11 Disember, 1965.

Sijil2 itu di-jangka akan di-sampaikan oleh Penolong Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Awang Lokan bin Uking.

Taraf Bachaan Al-Koran Di-Brunei Bertambah Tinggi

BANDAR BRUNEI. — Tujuan Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei menganjur dan mengadakan Peraduan Bachaan Al-Koran terbuka kapada sekalian umat Islam di-negeri ini, ia-lah kerana menjalankan tugas untok mengembangkan pembachaan kitab yang mulia itu yang mana, membachaa, memahami dan menta'ati Al Koran itu ia-lah salah satu daripada Shier Islam. Demikian kata Kadzi Daerah Brunei Abang Razali bin Haji Zainuddin selaku Pengerusi Peraduan Bachaan Al-Koran Daerah Brunei dan Muara di-majlis pembukaan rasmi peraduan itu, bertempat di-Masjid Omar Ali Saifuddin pada pagi 21 November, 1965.

Dalam ucapan Abang Razali di-majlis tersebut, beliau berkata bahawa semenjak di-adakan Peraduan Bachaan Al-Koran di-negeri ini beberapa tahun yang lalu, maka di-dapati peraduan itu mendapat sambutan yang memuaskan daripada umat Islam dan penduduk2 negeri ini.

Dengan berkat usaha dan kemahuan ra'ayat yang bersungguh2, kata beliau, maka bolehlah "kita banggakan sekarang ini, taraf pembachaan Al-Koran di-antara umat Islam di-Negeri ini sudah bertambah tinggi dan terpuji".

Abang Razali berharap dan


KATA KADZI ABANG RAZALI

berdo'a moga2 keadaan baik itu akan di-pelihara bersungguh2 serta memperolehi kemajuan dari sa-tahun ka-sa-tahun sa-taraf dengan negara2 Islam yang lain dalam lapangan bachaan Kitab Suchi Al-Koran.

TERIMA KASEH

Abang Razali telah menguchapkan terima kaseh yang ikh-

las kapada sekalian Ahli2 Jawatan Kuasa Peraduan Bachaan Al-Koran Daerah Brunei dan Muara pada tahun ini, terutama kapada Penaong Jawatan Kuasa tersebut, ia-itu Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Jabatan Hal Ehwal Ugama dan lain2-nya yang telah membantu dan bekerjasama menjayakan peraduan tersebut.



Pepereksaan Trengkas Melayu anjoran Trengkas Melayu Institute (Malaya) di-bawah kelolaan Jabatan Pelajaran Brunei akan di-adakan di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada petang 12 Disember, 1965.

Dalam gambar ini kelihatan Pe-

nuntut2 Trengkas Melayu Peringkat Permulaan Daerah Belait. Dudok bilangan ketiga dari kiri di-barisan hadapan ia-lah Awang Hassan bin Louis, Guru yang mengajar Derjah Trengkas Melayu Peringkat Permulaan Daerah Belait. — Gambar kiriman Awang Hussein Hassan.

Halaman Ugama:

PUASA

oleh Badan Penerangan
Ugama Islam

ERTI PUASA ia-lah menahan diri daripada makan, minum dan menahan diri daripada melakukan segala yang membatalkan puasa, mulai daripada terbit fajar sadik (waktu Imsak) hingga terbenam matahari (waktu Maghrib) pada bulan Ramadhan atau pada hari2 yang di-bolehan berpuasa.

PUASA DI-ZAMAN PURBA

Di-zaman2 purbakala, sa-belum ada-nya Ugama Islam, berpuasa ada-lah suatu amalan yang selalu di-lakukan oleh ahli2 ugama, dan orang2 yang ingin mendampingi diri-nya kepada Allah, sa-bagaimana firman Allah yang tersebut di-dalam Al-Koran:

"Hai orang2 yang beriman! telah di-wajibkan ka-atas kamu berpuasa sa-bagaimana yang telah di-wajibkan ka-atas umat2 yang terdahulu daripada kamu." Ayat 183 Surah Al-Baqarah.

Menurut kata para ahli tafsir Al-Koran, bahawa berpuasa sabulan pada bulan Ramadhan telah di-wajibkan juga ka-atas umat2 Yahudi dan Nasrani, tetapi kerana kitab2 mereka itu selalu menerima perubahan dan pembaharuan, akhir-nya perentah wajib berpuasa itu tidak di-ada-kan.

Bahkan di-zaman2 purbakala sa-belum lahir-nya ugama Masehi, pendeta2 dan ahli2 fikir seperti Plato dan Sekratus dan lain2-nya di-katakan selalu mengamalkan berpuasa sa-puluh hari pada tiap2 bulan, malahan pada zaman2 sa-telah Masehi, sa-belum datang-nya ugama Islam, ia-itu sa-telah tidak ada-nya perentah wajib berpuasa di-dalam kitab2 mereka, ada diantara padri2 dan ahli2 ugama yang sentiasa mencari kebenaran dan kagom dengan segala keindahan alam ciptaan Tuhan, mereka itu melakukan ibadah berpuasa pada beberapa hari yang tertentu di-dalam sa-tahun atau tatkala di-datangi sa-suatu bala' atau waba' yang menyerang negeri mereka. Dan chara mereka itu melakukan puasa ia-lah dengan menyepi di-dalam gua2 batu dengan tidak berbekal sa-suatu apa pun, tidak makan dan tidak minum siang dan malam, hingga sampai beberapa hari yang telah di-tentukan.

Amalan berpuasa atau berlapar siang dan malam ini pernah di-lakukan juga oleh penganut2 ugama Budza, jika mereka itu mengehendaki sa-suatu hajat yang di-perlukan, mereka pun melakukan bertapa dan mengasingkan diri di-tempat2 yang sunyi tidak makan dan tidak minum, dan konon-nya segala hajat mereka itu akan berlaku sa-telah mereka melakukan puasa (ber-

tapa) dalam beberapa masa yang di-tentukan.

Demikian-lah keadaan puasa atau bertapa, telah di-amalkan orang sa-belum datang-nya Ugama Islam, dengan tujuan masing2, yang tujuan besar-nya ia-lah untuk mendampingi diri kepada Tuhan, dan dengan demikian apa yang di-hajati oleh mereka akan segera berlaku.

HIKMAT2 BERPUASA

Puasa telah di-wajibkan oleh Allah kepada Nabi Mohammad s.a.w. dan umat-nya (Umat Islam) dari sejak tahun yang kedua sa-telah Hijrah.

Ada pun hikmat2 puasa yang telah di-kuat kuasakan (di-wajibkan) kepada Nabi Mohammad dan umat-nya ia-lah kerana sebab2 tersebut di-bawah ini:-

1. Kerana bershukur kahdhrat Allah yang telah mengurniakan segala ne'mat-nya di-dunia ini, hingga tidak sa-orang pun dapat mengira ne'mat2 yang telah di-kurniakan itu, sa-bagaimana firman Allah di-dalam Al-Koran:-

"Kalau engkau kira ne'mat2 yang telah di-kurniakan oleh Allah kepadamu, neschaya tiada-lah terkira". Ayat 34 Surah Ibrahim.

Maka sa-telah setiap masa makan minum, tidaklah patut bagi sa-saorang hamba Allah itu menyatakan shukur-nya kepada Tuhan-nya dengan melakukan puasa, untuk mendampingi diri-nya kepada Tuhan-nya?

2. Untuk menanam "Peri Kemanusiaan" kepada diri setiap umat Mohammad, dengan melakukan berpuasa sa-bulan di-dalam sa-tahun, dapat-lah sa-kurang2-nya sa-saorang itu turut merasakan bagaimana pedeh dan sakit-nya perut menahan lapar dan dahaga sa-panjang siang, maka dengan demikian dapat-lah ia menaruh belas kasehan kepada fakir miskin yang sentiasa berlapar siang malam kerana tiada kuasa bagi-nya untuk memileki sa-suatu yang di-hajati (untuk makan minum mereka sahari2).

3. Dengan Melakukan puasa, manusia akan dapat membedakan diri-nya sa-bagai manusia yang tahu bertanggung jawab dan tahu melakukan tugas yang telah di-bebankan kepada-nya, dengan binatang2 (makhlok Allah) yang tidak tahu apa2. Kerana sifat2 kebinatangan itu ada juga di-dapati pada manusia, seperti makan minum yang tidak berkira2 dan melepaskan hawa nafsu sa-suka hati, maka dengan melakukan puasa, manusia akan dapat mengawal diri-nya dan menahan nafsu-nya daripada melakukan sa-suatu dengan sa-kehendak hati.

4. Dari segi ilmu kedokteran, kebanyakan penyakit yang di-hidapi oleh manusia ia-lah berpuncha daripada perut, perut yang sentiasa meminta di-isikan dan tidak mahu kenyang dengan segala makanan yang di-telan-nya ada-

lah sentiasa menghadapi segala bahaya2 yang boleh menjadikan puncha berma-cham2 penyakit. Maka menahan atau mengawal perut daripada memakan sebarang makanan ada-lah salah satu jalan untuk menjaga kesehatan.

PUASA DAN ILMU KEDOKTORAN

Apabila sa-saorang sakit menghadap doktor untuk menerima rawatan dari sa-orang doktor, mula pertama yang di-tanya oleh doktor kepada orang sakit itu ia-lah bagaimana keadaan-nya waktu ia buang ayer. Tidak chukup dengan bertanya, di-choba-nya pula orang itu supaya buang ayer kecil (kenching) dan di-choba-nya juga untuk mendapatkan najis-nya tatkala orang itu buang ayer besar.

Daripada perchobaan2 yang selalu di-lakukan oleh doktor2 ini tahu-lah mereka bahawa kebanyakan orang2 sakit, menghidap sakit yang di-derai-nya ia-lah berpuncha daripada perut.

Orang sakit itu, sa-belum diberikan rawatan2 sa-perlu-nya akan di-beri sa-jenis ubat penchabar untuk membersekan perut-nya, kemudian ia hanya akan di-benarkan meminimum ayer atau memakan bubor atau makanan2 yang ringan untuk membolehkan alat pencheraan di-dalam perut itu bekerja samula seperti sedia kala sa-belum alat2 itu lemah kerana hampir2 tiada kuasa lagi menjalankan kerja2-nya menchernakan makanan2 yang di-dalam perut isak-it.

(Bersambung)

Majlis Selamat Berpindah Kumpulan Lori2 J. K. R.

BANDAR BRUNEI. — Timbalan Pesuruh Jaya Pulis Diraja Brunei, Pengiran Dato Pahlawan Jaya bin Pengiran Haji Rajid berkata bahawa keselamatan jalan raya bukan sahaja tanggungjawab Pulis, bahkan tanggungjawab pemandu2 kereta juga.

Beliau telah memberikan ucapan tersebut di-majlis jamuan Selamat Berpindah Bahagian Kumpulan Lori2 Jabatan Kerja Raya ka-kawasan baru pada petang hari Juma'at 26 November, 1965.

Dalam ucapan-nya, Pengiran Dato Pahlawan Jaya menegaskan bahawa sa-kiri-nya pemandu2 kereta di-negeri ini berkehendakan sabarang pertolongan, beliau dan juga Jabatan Pulis Diraja Brunei akan sentiasa memberikan-nya kepada mereka.

Ramai para jemputan dan anggota2 Kumpulan Lori2 J.K.R. telah hadir di-majlis itu.

Di-antara-nya yang telah memberikan ucapan di-majlis terse-

but ia-lah Ketua Kumpulan Lori2 Jabatan Kerja Raya, Brunei, Awang Haji Suhaili bin Haji Bakar; Wakil Pemandu2 Lori2 Jabatan Kerja Raya Brunei, Awangku Junaidi bin Pengiran Md. Daud; Jurutera Kanan Jabatan Kerja Raya, Awang A. Minano; Pengerusi Majlis itu,

Awang Kambar bin Md. Yusof dan lain2-nya.

Beberapa orang pemandu2 lori telah mempersembahkan Pan-chak Silat, Kuntau dan lain2-nya di-majlis itu.

Majlis itu di-akhiri dengan bacahan do'a selamat oleh Pengiran Sulaiman bin Pengiran Said.

Penubohan P.K.M.S. Di-Rasmikan

BANDAR BRUNEI. — Penolong Menteri Pos dan Kebajikan Masyarakat, Yang Berhormat Pengiran Haji Yusof bin Pengiran Limbang telah merasmikan penubohan Persatuan Kebajikan Melayu sa-Malaysia di-Brunei pada hari Ahad 21 November, 1965 di-Dewan Bangunan Guru2 Melayu Brunei.

Beberapa orang telah memberikan ucapan di-majlis tersebut. Di-antara-nya ia-lah Awang Haji Mohamad Zain bin Haji Serudin, Awang Abdul Samat Jo-

hari dan Ustaz Abdul Latiff bin Haji Hashim.

Persatuan tersebut ada-lah terbuka khas kepada orang2 Melayu Malaysia dan Singapura sahaja yang tinggal di-negeri Brunei, serta berdasarkan tolong menolong pada jalan kebajikan dan bersafahaman.

Sa-lepas di-adakan majlis tersebut, persatuan itu telah mengadakan satu Mashuarat Agong di-tempat itu juga dan melantek Ahli2 Jawatan Kuasa-nya.

Kursus Pengajaran Bahasa Kebangsaan

BAHASA DI-DUNIA.

DI-ANTARA bahasa2 di-dunia yang di-pertuturkan hari ini, hanya sedikit benar yang boleh di-ketengahkan dalam chara 'ilmiah'. Banyak di-antara-nya yang kita tidak mendapat keterangan yang lengkap, yang lain-nya tidak kita ketahui langsung.

Di-antara bahasa yang di-pertuturkan oleh manusia di-dunia dewasa ini ada yang telah berusia cukup lama, ada juga bahasa2 yang telah tidak di-pertuturkan orang lagi, hilang begitu sahaja, hanya ada kesan2-nya dari chatatan tertulis; chatatan2 ini bagaimana pun telah mengenalkan kita dengan chara terbatas mengenai bentuk kalimat dari bahasa2 purba.

Sa-tengah2 daripada bahasa yang telah di-ketahui dari sedikit chatatan, seperti dari nama2 tempat, orang2 kenamaan; dan ada-lah di-ragu2-kan pula entah berapa banyak yang telah hilang dengan tidak berbekas sedikit pun.

Barangkali banyak lagi di-antara bahasa yang di-pertuturkan sekurangnya2-nya, terutama di-Afrika dan di-Amerika Latin.

Satu daripada bahasa yang terbesar begitu pesat keseluruh dunia pada saat ini ialah bahasa Inggeris. Mengikut perbanchian dalam tahun 1920, bahasa Inggeris telah di-gunakan oleh lebih daripada 170 juta jiwa. Hampir2 semua daripada bilangan ini menggunakan bahasa Inggeris yang standard, atau barangkali dalam keadaan yang hampir2 sempurna (sub-standard); dengan menolak kesamping kepilatan2 daerah tertentu dari kawasan2 yang berbahasa Inggeris.

Kemajuan bahasa Inggeris pada saat itu, ada-lah bertambah dua kali lebih maju pula pada saat ini. Sesungguh-nya suatu bahasa semakin banyak orang yang menggunakan-nya semakin maju-lah pula bahasa itu.

Dalam pembicaraan ini saya membawa perhatian umom kepada bahasa2 yang di-pergunakan seluruh dunia. Mari-lah kita mulakan pengkajian mengenai ini dari barat. Bahasa Inggeris sebagai yang di-perkatakan tadi, tidak shak lagi ada-lah suatu bahasa yang berasal dari rumpun2 bahasa Germania; tetapi sungguh bagitu berbedanya dengan kebanyakan bahasa2 yang berasal dari rumpun tersebut.

Sejarah telah menerangkan dengan jelas yang bahasa ini telah datang ka-Britain sebagai bahasa dari bangsa2 penjelajah seperti bangsa2 Angles, Saxon dan Jutes, yang telah menaloki pulau tersebut pada kurun kelima Masehi.

Tanda yang menunjukkan perbedaan dari bahasa2 rumpun

oleh Ibrahim Mohd. Said

Germania di-benua dengan bahasa Inggeris terutama kawasan2 pantai utara ada-lah dari saat seribu tahun pemisahan antara bangsa tadi. Chatatan tertua dari bahasa Inggeris yang bertarikh pada abad kedelapan dan kesembilan menunjukkan banyak persamaan dengan rumpun2 bahasa Germania yang terakhir-nya bersamaan. Demikianlah suatu bahasa yang berkembang terus berubah dan berpisah dari dasar-nya.

Berapa banyak-kah bahasa2 yang di-pertuturkan sekarang dan bahasa2 yang telah di-pertuturkan di-masa2 yang telah lalu adalah susah untuk menetapkan dengan sewajarnya. Kerana sa-tengah menjalani masa beribu2 tahun, dengan sendiri-nya bahasa2 telah berkembang, maju, bertam-

bah berubah dan ada pula yang lesap begitu sahaja.

Ada bahasa2 yang lesap tetapi tinggal pada kesan2 tertulis, ada pula yang tidak ada kesan-nya langsung. Dan barangkali sechара perhitongan kasar ada di-antara 3,000-4,000 jenis bahasa2 yang di-pertuturkan di-dunia hari ini; yang semua-nya mempunyai ka'edah2 yang tersendiri berasingan antara satu dengan lain-nya, sama ada dari segi bunyi bahasa, taha bahasa dan bentuk kalimat-nya.

PEMBAHAGIAN BAHASA

Sechара umom pembahagian mengenai bahasa dapat di-bahagikan kepada dua bahagian: (1) sechара 'morphologi' atau 'structure' (ka'edah ilmu saraf bahasa atau bangunan kalimat) dan (2) sechара 'genetic' atau pembagian menurut dasar pokok.

Sechара 'morphologi' atau 'struc-

ture' bahasa dapat di-asingkan kepada tiga bentuk pula (1) Analisa atau pemisahan, atau penyatuan suku-kata. Tidak ada satu pun dari pada tiga bentuk ini mempunyai ketetapan-nya. (2) Paduan kata dan (3) Pengubah bentukkata.

Sa-benar-nya pembahagian sechара ka'edah ini di-anggap tidak tepat dan sesuai lagi, umpama-nya pada waktu ini telah dapat di-ketahui bahawa bahasa Tionghua mempunyai bentuk yang bersifat 'isolate' atau bentuk yang berpisah, sedang pada satu waktu dulu ia bersifat 'agglutinative' atau bentuk perpadu, lebih2 lagi bahasa Tionghua bukan-lah suatu bahasa yang bersifat 'monosyllabic' atau bentuk satuan suku-kata; kerana ia bersifat kumpulan bentuk yang berkaitan atau kembaran suku-kata yang berbaur, tiap satu-nya mempunyai pengertian yang berlainan sedikit dari bahagian dasar-nya. Demikian pula bahasa2 yang berkaitan-nya seperti bahasa2 Sino-Tibet mempunyai bentuk2 yang separoh 'isolate' dan separoh 'agglutinative'.

Siri Kedua

Sechара 'genetic' atau dasar pokok bahasa, sehingga pada akhir2 abad kedelapan belas, nampak-nya serjana2 bahasa di-barat telah mensifatkan dasar pokok mereka kepada bahasa Yahudi sebagai bahasa asal dari kitab Bible atau Injil.

PENGKAJIAN SECHARA ILMIAH

Pada tahun 1767 sa-orang paderi bangsa Peranchis telah mendapati ada-nya persamaan antara bahasa Sanskrit dengan bahasa2 Eropah. 20 tahun kemudian-nya Sir William Jones telah meletakkan suatu dasar pengkajian sechара ilmiah dalam dasar pokok bahasa ini.

Abad kesembilan belas, ada-lah permulaan dari suatu chabang study yang di-namakan comparative philology atau perbandingan ilmu bahasa. Ahli2 bahasa telah chuba mendapatkan bahasa2 asal yang menurun dan berpisah menjadi bahasa2 dasar. Mereka juga telah chuba mengesani persamaan antara bahasa2 yang berkaitan, dari kumpulan dan chabang2-nya.

Bagaimana pun sehingga hari ini perdebatan2 mengenai perkara ini masih terus hangat di-bincangkan oleh ahli2 bahasa.

Pada keseluruhannya, dengan ka'edah dasar pokok atau 'genetic' tadi, bahasa dunia ini dapat di-asingkan kepada 30 atau 40 rumpun2 bahasa. Di-antara-nya rumpun2 atau keluarga bahasa yang besar dapat-lah di-ikuti seperti yang akan di-bicarakan ini.

(1) Rumpun Indo-European, yang juga di-sebut sebagai Indo-Germanic, Aryan atau Indo-Aryan. Dari rumpun atau keluarga inilah terdiri-nya kumpulan bahasa2 Eropah, yang di-pertuturkan lebih dari 800 juta manusia di-bahagian Timur dan Barat Eropah.

Rumpun Indo-Aryan ini mempunyai chawangan2 seperti Indo-Iranian, Balto-Slavonic, Greek Roman, Celtic dan Germanic.

Dari chabangan Indo-Iranian, lahir-lah rumpun2 bahasa Hindi dan Farsi (termasuk Sanskrit, Urdu, Hindustani, Bengali, Kashmiri, Sindhi, Kurdish, Pashto, Baluchi, Phalavi, Neo Persian dan lain2 lagi).

Dari rumpun Roman menghasilkan bahasa2 Latin, Itali, Peranchis, Sepanyol, Portugis, Romanian dan dari rumpun Celtic ini ada pula chawangan-nya Goidelic, menjadikan bahasa2 Irish, Highland Scottish, (Gaelic) chawangan Brythonic menghasilkan bahasa2 Cornish dan Welsh. Dari rumpun Germania terdapat-lah bahasa2 Norwigia, Danish, Iceland, Swedish, pilat daerah Utara German, bahasa German Moden dan bahasa Inggeris Moden.

(2) Rumpun Ural-Altaic melahirkan bahasa2 Finno-Ugarian, Turco-Tatar, Mongolian, Jepun dan Korea rumpun ini juga mempunyai pelbagai pilat daerah yang tersendiri pula.

(3) Rumpun Sino-Tebit melahirkan bahasa2 Tionghua, Thai, Burma dan Tebit dengan pilat2 daerah yang tertentu.

(4) Rumpun Polynesia-Melaya melahirkan rumpun2 bahasa Melayu-Indonesia, Austronesia yang di-pertuturkan dengan berbagai2 kepilatan daerah yang luas di-sekitar Lautan Teduh, dari Madagascar Lautan Hindi hingga kepulauan2 Hawaii di-Pacific. Bahasa Melayu sendiri di-pertuturkan oleh lebih kurang 100 juta manusia di-Kepulauan Melayu dengan sifat-nya sebagai bahasa perantaraan dan bahasa kebangsaan di-Malaya, Wilayah2 Borneo dan Indonesia.

(5) Rumpun Dravidin melahirkan bahasa2 Malayalam, Tamil Telugu di-bahagian selatan tanah India.

(6) Rumpun bahasa2 Indian Amerika di-utara Benua Amerika dan selatan-nya, lebih kurang 25 jenis kepilatan daerah.

(7) Rumpun bahasa peribumi Afrika seperti bahasa2 Hottentot, Antu, Bushman, Sudan dan Nilotic.

Ini-lah satu pemandangan PASAR MINGGU di-pantai perangan Muara. Berbagai2 jenis buah2an, sayur2an dan lain2 barang di-jual di-Pasar Minggu itu pada hari Ahad yang lalu dan ramai juga orang pergi membeli barang2 yang di-jual di-pasar tersebut. Pasar itu akan di-adakan pada tiap2 hari Ahad.





Hadiah2 Dari Hartawan Richard Chang Untok Peraduan Bachaan Al-Koran

Peraduan Bachaan Al-Koran Peringkat Daerah Belait telah di-langsungkan baru2 ini di-Masjid Mohamad Jemalul Alam, Kuala Belait dengan memperolehi kejayaan. Piala2 Perak dan Perisai kepada pemenang2 dalam Peraduan Bachaan Al-Koran itu telah di-hadiahkan oleh Awang Richard Chang sa-orang Pegawai Buroh Kerajaan Brunei.

Gambar ini di-ambil sa-lepas Hartawan Awang Richard Chang menyampaikan hadiah2-nya kepada Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail sa-belum di-langsungkan peraduan tersebut.

Dari kiri ka-kanan ia-lah: Awang Abdul Latiff bin Mohamed Noor dari Pejabat Kadzi Daerah Belait; Hartawan Awang Richard Chang; Kadzi Daerah Belait, Begawan Mudim Haji Adenan dan Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail.

Pendaftaran Pusake Brunei Di-Luluskan

KAMPONG SUNGAI KEBUN. — Pegawai Pendaftaran Persatuan2 Negeri Brunei telah meluluskan pendaftaran sa-buah lagi persatuan baru2 ini.

Persatuan tersebut ia-lah Persatuan Angkatan Pemuda Pemudi Kampong Sungai Kabun (PUSAKE) Brunei.

Dasar persatuan tersebut ia-lah: (a) Untok memperbaiki nasib PUSAKE BRUNEL, (b) Mengusahakan, menambah dan memperbaiki Pengetahuan, Kebudayaan, Kesenian, Kesehatan dan Mendirikan Iktisad Ahli2 Persatuan, (c) Menyatukan Silatul-Rahim antara Ahli2 dalam Persatuan, (d) Menguatkan untok mengusahakan Derma Suka Duka, (e) Berdiri di atas dasar peri kemanusiaan dan ke-Islaman, (f) Mendukung dan mengamalkan keadilan Sosial dan Demokrasi PUSAKE BRUNEL.

Semua pemuda-pemudi Kampong Ayer, Kampong Lupak Luas dan Kampong Lumapas boleh di-terima menjadi ahli2 PUSAKE BRUNEL.

Wang pendaftaran masuk menjadi ahli ia-lah \$2 sa-saorang, Yuran bulanan ia-lah Yuran biasa 25 sen, Yuran Sokan 50 sen dan Yuran Suka Duka 50 sen.

Menurut Undang2 PUSAKE BRUNEL, Yuran tersebut akan di-ubah mengikut keadaan persatuan itu dengan jalan keputusan persidangan Jawatan Kuasa.

Cheramah Peraduan Cherpen Untok Bachaan Kanak2

BANDAR BRUNEL. — Berhubung dengan "Peraduan Cherpen Untok Bachaan Kanak2" satu cheramah mengenai-nya akan di-berikan oleh Pengerah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Awang Umar pada 10 Disember, 1965 mulai jam 9.00 pagi bertempat di-Dewan Kemasyarakatan Bandar Brunei.

Dato Paduka Awang Haji Jamil akan membentangkan tentang:

- Tujuan Dewan Bahasa dan Pustaka menganjorkan Peraduan Cherpen Untok Bachaan Kanak2.
 - Tema, bahasa dan teknik penulisan cherpen yang di-kehendaki, dan
 - Pandangan umum tentang penulisan cherpen.
- Untok menjayakan perkara di-atas Dewan Bahasa dan Pustaka dengan sulat-elita mempersilakan penulis2 dan peminat cherpen dalam negeri menghadhiri cheramah yang tersebut di-atas.

Dewan Perniagaan Melayu Sa-Negeri Brunei Di-Tubuhkan

BANDAR BRUNEL. — Satu perjumpaan antara saudagar2 Melayu di-seluruh Negeri Brunei telah di-adakan di-Dewan Persekutuan Guru2 Melayu Brunei pada hari Ahad 28 November, 1965 jam 9.00 pagi kerana tujuan hendak menubuhkan "DEWAN PERNIAGAAN MELAYU SA-NEGERI BRUNEI".

Perjumpaan itu telah di-taja bersama oleh Yang Berhormat Awang Haji Halus bin Abdul Samad dan Awang Haji Puting bin Pengarah Rahman.

Dalam ucapan bersama mereka berkata perjumpaan tersebut di-adakan ia-lah untok meminta buah fikiran dan sumbangan dari hadirin ka-atas penajaan sa-buah dewan yang akan di-namakan Dewan Perniagaan Melayu Sa-Negeri Brunei.

Maka dengan terbentok-nya dewan ini nanti, terchatet-lah suatu sejarah yang merupakan satu langkah ka-arrah kemajuan yang pada hakikat-nya menuju ka-arrah ketinggian ekonomi bangsa kita.

Oleh itu mari-lah kita bersatu dan menumpukan tenaga dan fikiran kita di-dalam dewan yang akan kita tubuhkan ini demi kepentingan pedagang2 Melayu khas-nya dan orang2 Melayu di-negeri kita pada umum-nya, kerana kita tidak-lah boleh berpelok tubuh dan berdiam diri dalam melihat kelemahan ekonomi bangsa kita.

Seterus-nya mereka berkata kita mempunyai hak dan kuasa untok menukar keadaan kita, kita mempunyai hak dan kuasa untok membentuk ekonomi kita dengan chara yang baharu mengikut aliran zaman dan masa.

Selesai ucapan dari penaja bersama, maka para hadirin telah bersetuju dengan sa-bulat suara memilih Awang Hapidz Laksamana untok menguruskan persidangan pada pagi itu.

Satu rangka Anggaran Dasar dan Perlembagaan telah di-bentangkan pada sidang hadirin untok pengkajian dan setelah di-adakan sedikit perubahan akan Anggaran Dasar dan Perlembagaan Dewan Perniagaan Melayu ini telah pun di-sahkan dengan sa-bulat suara.

Jawatankuasa Tadbir yang telah di-pilih dalam perjumpaan itu untok mengendalikan urusan2 yang berhubung dengan urusan2 penubuhan Dewan Perniagaan Melayu Sa-Negeri Brunei adalah terdiri saperti berikut:

Yang Di-Pertua — A.A. Hapidz Laksamana.

Penolong Yang Di-Pertua — Yang Berhormat Awang Haji Halus bin Abdul Samad.

Setia Usaha — P.H.M.P. Tuah.

Penolong Setia Usaha — Awang Mahmud bin Salleh.

Penyimpan Wang — Awang Haji Puting bin Pengarah Rahman.

Penolong Penyimpan Wang — Awang Haji Ja'afar bin Maun

Penolong2 Khusus — 1. Dg. Rogayah bte. Abd. Rahman, 2. Malai Mashor, 3. Awang Haji Ghazali, 4. Awang Tengah Hasib, 5. Pengiran Haji Wahab.

Asas dan tujuan Dewan ini dibentuk ada-lah:

- Menyatukan dan mengabungkan semua pedagang2 Melayu di-seluruh Negeri Brunei dalam apa jua bentuk perdagangan, dan memajukan serta menjaga kepentingan pedagang2 Melayu yang menjadi ahli D.P.M. ini.
- Mewakili dalam segala perundangan yang berhubung dengan kepentingan pedagang2 Melayu di-Brunei, dan menyelesaikan segala pertelingkahan yang timbul di-antara ahli2 atau dengan mana2 pihak yang bersangkutan dengan chara bertolak ansor dan saling mengerti.
- Membuat perundangan atau dan membantah sesuatu penetapan yang berlawanan dengan kepentingan pedagang2 Melayu sa-Negeri Brunei.
- Menanamkan kepercayaan terhadap perdagangan, dan menasehatkan serta memberi penerangan2 kepada ahli2-nya yang ada berhubung dengan alam perdagangan.



Zainon Jamil, sa-orang biduanita yang terkenal di-Negeri Brunei telah berjaya merebutkan gelaran sebagai Johan Asli Bahagian Wanita dalam Pertandingan Bintang Radio Daerah Belait pada malam Sabtu yang lalu.

Dalam gambar ini kelihatan Da-yang Masnah binti Mohamed Yusof, ia-itu isteri Pengiran Momin, Pegawai Daerah Belait (kanan) sedang menyampaikan Piala Perak kepada Biduanita Zainon Jamil di-temasha pertandingan Bintang Radio Daerah Belait.

Peraduan Bahath Sekolah2 Melayu

BANDAR BRUNEI. — Pemenang2 Peraduan Bahath Peringkat Daerah Murid2 Sekolah Melayu, Sa-Negeri Brunei bin Tahun 1965 yang telah di-sempurnakan baru2 ini ada-lah seperti berikut:

SEKOLAH2 RENDAH (Bahagian Lelaki)

BRUNEI I: *Johan*—Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jemalul Alam. Peserta2-nya: 1. Ali Hasan bin Atai; 2. Md. Yasin bin Adam; 3. Julaihi bin Haji Sulaiman.

BRUNEI II: *Johan*—Sekolah Melayu Delima I. Peserta2-nya: 1. Othman bin Ismail; 2. Umar bin Adinin; 3. Abdul Rahman bin Taha.

BRUNEI III: *Johan*—Sekolah Melayu Batu Marang. Peserta2-nya: 1. Awangku Saleh bin Pengiran Abdul Rahman; 2. Jaafari bin Lakat; 3. Radi bin Mudi.

TUTONG: *Johan*—Sekolah Melayu Muda Hashim. Peserta2-nya: 1. Sampan bin Alub; 2. Awangku Zainal bin Pengiran Chuchu; 3. Sabli bin Shahminan.

BELAIT: *Johan*—Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin. Peserta2-nya: 1. Asiri bin Ahmad; 2. Nor Hashim bin Haji Noor; 3. A. Rahman bin Idris.

TEMBURONG: *Johan*—Sekolah Melayu Labu. Peserta2-nya: 1. Abdul Rahman bin Chuchu; 2. Abu Bakar bin Ahmad; 3. Said bin Puteh.

SEKOLAH2 RENDAH (Bahagian Perempuan)

BRUNEI I: *Johan*—Sekolah Melayu Sungai Kebun. Peserta2-nya: 1. Norsiti binte Ishak; 2. Hasinah binte Jaafar; 3. Samit binte Laut.

BRUNEI II: *Johan*—Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut. Peserta2-nya: 1. Suharah binte A. Bakar; 2. Kasmah binte Abu Bakar; 3. Hajjah binte Ajak.

BRUNEI III: *Johan*—Sekolah Melayu Batu Marang. Peserta2-nya: 1. Dayangku Suri binte Pengiran Idris; 2. Hidup binte Ariffin; 3. Mimah binte Tengah.

TUTONG: *Johan*—Sekolah Melayu Penanjong. Peserta2-nya: 1. Asiah binte Bakar; 2. Zaleha binte Awang Damit; 3. Ramlah binte Md. Yassin.

BELAIT: *Johan*—Sekolah Melayu Mohamed Alam. Peserta2-nya: 1. Dayangku Hajjah binte Pengiran Umar; 2. Rosinah binte Kersil; 3. Saerah binte Hasan.

TEMBURONG: *Johan*—Sekolah Melayu Bokok. Peserta2-nya: 1.

Maimunah binte Yusuf; 2. Norhani binte Ahmad; 3. Jariah binte Nayan.

Pemenang2 peraduan tersebut Bahagian Sekolah2 Menengah ada-lah seperti di-bawah ini:—

BAHAGIAN LELAKI

BRUNEI I: *Johan*—Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jemalul Alam. Peserta2-nya: 1. Jawawi bin Ahmad; 2. Rahim bin A. Bakar; 3. Suhaili bin Tarif.

TUTONG: *Johan*—Sekolah Melayu Muda Hashim. Peserta2-nya: 1. Md. Yaakub bin Muhammad; 2. Yujog bin Talib; 3. Ismail bin Saleh.

BELAIT: *Johan*—Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin. Peserta2-nya: 1. Saifon bin A. Besar; 2. Taib bin Damit; 3. Ahmad bin Abdul Rashid.

TEMBURONG: *Johan*—Sekolah Melayu Sultan Hasan, Bangar. Peserta2-nya: 1. Awangku Rajak bin Pengiran Abdul Rahman; 2. Serudin bin Pungut; 3. Ali bin Akil.

BAHAGIAN PEREMPUAN

BRUNEI I: *Johan*—Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jemalul Alam. Peserta2-nya: 1. Normah binte Muhammad; 2. Aminah binte Haji Ibrahim; 3. Aminah binte Umar.

TUTONG: *Johan*—Sekolah Melayu Muda Hashim. Peserta2-nya: 1. Siti Hawa binte Abdullah; 2. Radziah binte Talib; 3. Rosni binte Abdul Rahman.

BELAIT: *Johan*—Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin. Peserta2-nya: 1. Norhayati binte Hamdi; 2. Salbiah binte B. M. Haji Adam; 3. Aminah binte Gemok.

Sekolah Melayu Sultan Hassan Bangar telah tidak mengambil bahagian dalam Peraduan Bahath Sekolah2 Menengah, Bahagian Perempuan bagi Daerah Temburong.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 1 Disember hingga ka-hari Selasa 7 Disember, 1965 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
1	12-14	3-33	6-10	7-25	4-40	4-55	6-13	
2	12-15	3-34	6-11	7-26	4-41	4-56	6-14	
3	12-15	3-34	6-11	7-26	4-41	4-56	6-14	
4	12-15	3-34	6-11	7-26	4-41	4-56	6-14	
5	12-16	3-35	6-12	7-27	4-42	4-57	6-15	
6	12-16	3-35	6-12	7-27	4-42	4-57	6-15	
7	12-17	3-36	6-12	7-27	4-43	4-58	6-16	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Malam Aneka Warna S.M. Muhammed Alam

SERIA. — Sekolah Melayu dan Pandu2 Puteri Sekolah Muhammad Alam, Seria akan mempersembahkan Malam Aneka Warna sebagai acara sambutan tamat penggal akhir persekolahan tahun ini pada malam 10 dan 11 Disember, bertempat di-pekarangan Sekolah Melayu tersebut.

Di-antara acara2 yang akan di-langsungkan di-temasha tersebut ia-lah nyanyian oleh Bintang2 Radio Brunei, tarian, drama, lawak jenaka dan lain2-nya.

Selain dari mempersembahkan Malam Aneka Warna, Pengakap2

Melayu Muhammad Alam juga akan mempersembahkan Pasar Gembira di-pekarangan sekolah itu pada kedua2 malam tersebut.

Pasokan Pengakap Yang Baru

KUALA BELAIT. — Sa-buah Pasokan Pengakap yang baru telah di-tubuhkan di-Kuala Belait.

Pasokan itu ia-lah Pasokan Pengakap Sekolah Misi Saint John.

KERJA KERJA KOSONG

Perhomonan2 ada-lah di-jemput bagi memenohi jawatan kosong sebagai Pegawai Istilah, Perkamusan dan Penyelidik di-Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Kelayakan2:

(a) Pemohon2 hendak-lah orang Melayu yang mempunyai kelulusan Persekolahan Menengah Atas atau yang sebanding dengan-nya.

(b) Mempunyai pengetahuan yang baik dalam bahasa Melayu.

(c) Mempunyai pengetahuan yang luas terutama dalam selok belok bahasa Melayu dan Inggeris.

Gaji:—Dalam sukatan gaji C(b) 1 - 2 - 3 \$520 - 540 - 570x30 - 840.

Sharat2 Lantikan:—Kontrek selama 3 tahun termasuk-lah tempoh 6 bulan yang pertama sebagai dalam percutiaan. Kontrek boleh di-baharui atas persetujuan bersama.

Baksis:—Baksis sebanyak 12½%

dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak ada chukai pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 lanjut mengenai chuti, tambang, dan lain2 boleh didapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mestilah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 Disember. 1965.

PEMANDU KERETA

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi satu jawatan kosong sebagai Pemandu di-Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

(a) Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen2 pemandu dan berumur di-antara 20 tahun dan tidak lebih dari 40 tahun.

(b) Pemohon2 mesti-lah ra'ayat Sultan Brunei atau mereka yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Sultan.

(c) Pemohon2 yang tahu memperbaiki kerosakan2 kereta atau

jentera kereta akan di-beri keutamaan.

(d) Mempunyai kesanggupan atau menurut perintah apabila di-tugaskan pada bila2 masa di-kehendaki di-luar masa pekerjaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F. 5-6 = \$180 x 4 - 200.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan, hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat masing2 yang di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mestilah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 1 Disember, 1965.

LISEN2 KERETA

Semua lisen2 kereta akan berakhir pada 31 Disember, 1965. Ada-lah menjadi satu kesalahan memandu atau menggunakan kereta di-jalan raya sa-lepas tarikh tersebut jika lisen2 kereta itu tidak di-baharui bagi tahun 1966.

Semua kereta yang umur-nya lebih dari tiga tahun akan di-pereksa terlebih dahulu sa-belum di-baharui lisen2-nya.

Semua kereta2 taxi, bas, -kereta membawa barang2 dan kereta2 perniagaan akan dipereksa terlebih dahulu sa-belum di-baharui lisen2-nya.

Untuk memberi kemudahan kepada orang ramai membaharui lisen2 kereta, Pejabat Keenderaan Darat di-Bandar Brunei dan di-Kuala Belait akan mula melisen2 kereta2 bagi tahun 1966 mulai dari 1 Disember, 1965.

Sokan Dan Olah Raga Sekolah2 Dan Maktab2

oleh Awang Md. Husain Zainal

BANDAR BRUNEI. — Perlawanan bola sepak antara Sekolah2 dan Maktab2 atas anjoran Jabatan Pelajaran Brunei yang telah di-jalankan baru2 ini adalah seperti berikut:-

BAHAGIAN PERINGKAT NEGERI

15 November, 1965: Perlawanan Suku Akhir Pasokan Kumpulan "B" (murid sedang) antara Johan Brunei II, Pasokan Sekolah Melayu Delima I dengan Johan Temburong, Pasokan Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar, bertempat di-padang Bangar. Keputusan-nya Pasokan S.M. Sultan Hasan Bangar, telah menang kerana Pasokan Delima I telah melanggar "tata tertib perlawanan".

17 Nov., 1965: Perlawanan Sengah Akhir Pasokan Kumpulan "B" (murid sedang) antara Johan Tutong, Pasokan Sekolah Melayu Sinaut dengan Johan Temburong, Pasokan Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar, bertempat di-padang S.M. Muda Hashim Tutong. Keputusan-nya Pasokan S.M. Sultan Hasan Bangar telah menang, kerana Pasokan Sinaut telah melanggar tata tertib perlawanan.

18 Nov., 1965: Perlawanan Sengah Akhir Pasokan Kumpulan "A" (murid kecil) antara Johan Brunei II, Pasokan Sekolah Melayu Sg. Hanching dengan Johan Tutong, Pasokan Sekolah Melayu Muda Hashim, bertempat di-padang Muda Hashim Tutong. Keputusan-nya Pasokan S.M. Muda Hashim menang dengan 5 gol berbalas 1 gol.

19 Nov., 1965: Perlawanan Peringkat Akhir Pasokan Kumpulan "B" (murid sedang) antara Johan Brunei I, Pasokan Sekolah Melayu S.M.J.A. dengan Johan Temburong, Pasokan Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar, bertempat di-padang S.M. J.A. Keputusan-nya Pasokan Sekolah Melayu S.M.J.A. menang dengan 6 gol tidak berbalas.

Maka dengan keputusan perlawanan itu, Pasokan Sekolah Melayu S.M.J.A. menjadi Johan bola sepak kumpulan "B" antara Sekolah2 dan Maktab2 sa-Negeri Brunei bagi tahun 1965 dan yang menjadi Naib Johan ialah Pasokan Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar, Temburong.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Pegawai Pelajaran Negara Awang M. MacInnes kepada pasokan2 yang berjaya.

Hadiah2 rebutan pada tiap2 tahun ia-lah:-

Johan: Piala E.W. Cousen bekas Pegawai Kewangan Negara; di-menangi oleh Pasokan Sekolah Melayu S.M.J.A.

Naib Johan: Perisai Jawatan Kuasa Sambutan Perkembalian Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dari Eropah di-menangi oleh Pasokan Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar, Temburong.

21 Nov., 1965: Perlawanan Peringkat Akhir Pasokan Kumpulan "A" (murid kecil) antara Johan Brunei I, Pasokan Maktab S.O.A.S. dengan Johan Tutong, Pasokan Sekolah Melayu Muda Hashim Tutong, bertempat di-padang Sekolah Melayu S.M.J.A. Keputusan-nya Pasokan Maktab S.O.A.S. menang dengan 1 gol tidak berbalas.

tong, bertempat di-padang Sekolah Melayu S.M.J.A. Keputusan-nya Pasokan Maktab S.O.A.S. menang dengan 1 gol tidak berbalas.

Maka dengan keputusan perlawanan itu, Pasokan Maktab S.O.A.S. menjadi Johan Bola Sepak Kumpulan "A" (murid kecil) antara Sekolah2 dan Maktab2 sa-Negeri Brunei bagi tahun 1965 dan yang menjadi Naib Johan ialah Pasokan Sekolah Melayu Muda Hashim Tutong.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Pengiran Haji Puteh bin P. Hj. Rajid kepada pasokan2 yang berjaya.

Hadiah2 rebutan pada tiap2 tahun ialah:

Johan: Perisai W.J. Peel bekas British Resident Brunei, di-menangi oleh Pasokan Maktab S.O.A.S. Bandar Brunei.

Naib Johan: Piala N.E. Clark bekas Pengurus Hong Kong & Shanghai Bank, Brunei, di-menangi oleh Pasokan Sekolah Melayu Muda Hashim Tutong.

BAHAGIAN MAKTAB DAN SEKOLAH MENENGAH

15 Nov., 1965: Perlawanan antara Pasokan Maktab Perguruan Melayu Brunei dengan Pasokan Sekolah St. Andrew's, bertempat di-padang S.M.J.A., keputusan-nya Pasokan Maktab Perguruan Melayu Brunei menang dengan 14 gol tidak berbalas.

16 Nov., 1965 dua perlawanan suku akhir telah di-jalankan serempak ia-itu:

(a) Pasokan Maktab S.O.A.S. berlawan dengan Pasokan Sekolah St. George's, bertempat di-padang S.M.J.A. Keputusan-nya Pasokan Maktab S.O.A.S. menang 17 gol tidak berbalas.

(b) Pasokan Maktab Anthony Abell Seria berlawan dengan Pasokan Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, bertempat di-padang Maktab Anthony Abell Seria. Keputusan-nya Pasokan Maktab Anthony Abell menang dengan 5 gol berbalas 1 gol.

20 Nov., 1965: Perlawanan Sengah Akhir antara Pasokan Maktab Anthony Abell Seria dengan Pasokan Sekolah St. Michael, bertempat di-padang Maktab Anthony Abell. Keputusan-nya Pasokan Maktab Anthony Abell menang tanpa berlawan.

PERLAWANAN BOLA JARING DAN BOLA TAMPAR

Perlawanan Bola Jaring dan Bola Tampar antara Sekolah2 Melayu atas anjoran Jabatan Pelajaran Brunei ada-lah sa-bahagian daripada ranchangan perlawanan tahunan yang di-kelola-

kan oleh Bahagian Latehan Jasmani Jabatan Pelajaran, Brunei.

Pada minggu lalu perlawanan2 Peringkat Daerah Brunei I, Brunei II, Brunei III dan Temburong telah di-jalankan.

BAHAGIAN BRUNEI I

Pada 23 Nov., 1965 perlawanan bola jaring dan bola tampar di-jalankan serempak bertempat di-gelanggang Sekolah Melayu S.M.J.A. Pasokan Sekolah2 yang memasuki perlawanan:-

- i) Bola Jaring: 1. S.M.J.A. Menengah, 2. S.M.J.A. Rendah, 3. Raja Isteri Fatimah dan 4. Sungai Kebun.
- ii) Bola Tampar: 1. S.M.J.A. Menengah, 2. S.M.J.A. Rendah dan 3. Lela Menchanai.

BAHAGIAN BRUNEI II

KUMPULAN JALAN TUTONG

Pada 23 Nov., 1965 perlawanan Bola Jaring telah di-adakan bertempat di-gelanggang Sekolah Melayu Kilanas.

Pasokan Sekolah2 yang memasuki perlawanan:-

1. Sengkurong; 2. Kilanas; 3. Katimahar; 4. Bunut; 5. Gadong.

Pada 24 Nov., 1965 perlawanan Bola Tampar telah di-adakan bertempat di-gelanggang Sekolah Melayu Bunut.

Pasokan Sekolah yang memasuki perlawanan:-

1. Sengkurong; 2. Kilanas; 3. Bunut; 4. Gadong.

KUMPULAN JALAN MUARA

Pada 24 Nov., 1965 perlawanan bola jaring dan bola tampar telah di-jalankan serempak, bertempat di-gelanggang Maktab Perguruan Melayu Brunei.

PERINGKAT AKHIR BRUNEI II

Pada 27 Nov., 1965 bertempat di-gelanggang Sekolah Melayu S.M.J.A. mulai jam 3.00 petang. Pasokan2 yang memasuki perlawanan ia-lah Johan Jalan Tutong berlawan dengan Johan Jalan Muara.

BAHAGIAN TEMBURONG

Pada 25 Nov., 1965 perlawanan Bola Jaring di-adakan bertempat di-gelanggang Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar, di-mulakan jam 2.30 petang.

Pasokan Sekolah2 yang memasuki perlawanan:-

1. Sultan Hasan; 2. Amo; 3. Bokok; 4. Puni.

BAHAGIAN BRUNEI III

Pada 27 Nov., 1965 perlawanan Bola Jaring di-adakan bertempat di-gelanggang Sekolah Melayu S.M.J.A., mulai jam 2.30 petang.

Pasokan Sekolah2 yang memasuki perlawanan:-

1. Pengkalan Batu; 2. Pulau Berbunut; 3. Puduk.

PERLUMBAAN BASIKAL

TONGKADEH. — Perlumbaan Basikal Sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan yang telah di-tangguhkan dalam bulan September yang lalu di-sebabkan berlakunya penyakit Kolera, akan di-adakan di-Jalan Ong Sum Ping, Kawasan Tongkadeh pada pagi Ahad 12 Disember, 1965.

Semua Pegawai2 dan peserta2 adalah di-minta berada di-tempat permulaan perlumbaan basikal itu sebelum jam 8.30 pagi hari tersebut.

BULU TANGKIS:

Persatuan Belia Sengkurong Mengalahkan P.A.H.C.

SENGKURONG. — Pasokan Bulu Tangkis Persatuan Belia Sengkurong telah mengalahkan Pasokan Bulu Tangkis Ang Han Chai dari Barangan dengan 6 perlawanan berbalas 2 perlawanan.

Pertandingan bulu tangkis tersebut telah di-langsungkan sa-chara persahabatan di-Kawasan Bulu Tangkis Persatuan Belia Sengkurong pada malam 17 November yang lalu.

Dalam pertandingan itu, Pasokan Bulu Tangkis Persatuan Belia Sengkurong telah menang 2 perlawanan sa-saorang dan 4 perlawanan bergu. Pasokan Ang Han Chai pula telah menang 2 perlawanan sa-saorang.

Keputusan pertandingan bulu tangkis tersebut ada-lah seperti berikut:

BAHAGIAN SA-SAORANG

1. Awangku Ibrahim bin Pengiran Bakar (P.B.S.) mengalahkan Ang Han Chai (P.A.H.C.) dengan 15-13 mata dan 15-2 mata.

2. Shamsuddin (P.A.H.C.) mengalahkan Ahmad bin M. Bakar (P.B.S.) dengan 15-12 dan 15-8 mata.

3. Dominic (P.A.H.C.) mengalahkan Salim H.M. Salleh (P.B.S.) dengan 18-16, 12-15 dan 15-3 mata.

4. Asmat H.M. Salleh (P.B.S.) mengalahkan Bernard Leong (P.A.H.C.) dengan 15-0 dan 15-0.

BAHAGIAN BERGU

1. Awangku Ibrahim bin Pengiran Bakar dan Salim H.M. Salleh (P.B.S.) mengalahkan Ang Han Chai dan Shamsuddin (P.A.H.C.) dengan 15-13 dan 15-9 mata.

2. Seruddin Haji Nasir dan Tuah O.K.H. Saman (P.B.S.) mengalahkan Francis Lim dan Dominic Leong (P.A.H.C.) dengan 18-6, 13-15 dan 15-10 mata.

3. Ahmad bin M. Bakar dan Asmat H.M. Salleh (P.B.S.) mengalahkan Bernard Leong dan Ong Kin Kok (P.A.H.C.) dengan 15-3 dan 15-3 mata.

4. Thani H. Badar dan Judin B.A. (P.B.S.) mengalahkan Song Khin Fa dan Yip Shong Sze (P.A.H.C.) dengan 15-12 dan 15-3 mata.

Peraduan Bachaan Al-Koran Daerah Belait

JOHAN LELAKI — AWANG MUKIM

JOHAN PEREMPUAN — DAYANG NURAINI

KUALA BELAIT. — Awang Mukim bin Hassan telah sekali lagi berjaya menyandang gelaran Johan Peraduan Bachaan Al-Koran Bahagian Lelaki, Daerah Belait pada tahun ini.

Dayang Nuraini binti Begawan Mudim Haji Adenan telah menjadi Johan dalam peraduan tersebut Bahagian Perempuan, manakala saudara-nya Dayang Aishah pula telah memperolehi gelaran Naib Johan peraduan Bahagian Perempuan.

Peraduan Bachaan Al-Koran Kejohanan Daerah Belait telah di-langsungkan di-Pekarangan Masjid Mohamed Jemalul Alam, Kuala Belait baru2 ini dengan memperolehi sambutan yang baik dari kalangan orang ramai.

Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail telah merasmikan pembukaan peraduan tersebut.

Beliau juga telah menyampaikan hadiah2 kepada pembacha2 Al-Koran yang berjaya dalam peraduan itu.

Keputusan penoh peraduan tersebut ada-lah seperti berikut:

BAHAGIAN LELAKI: Johan — Awang Mukim bin Hassan. Naib Johan — Awang Arbaie bin Awang Matali. Pemenang Ketiga — Awang Salman bin Bakar.

BAHAGIAN PEREMPUAN: Johan — Dayang Nuraini binti Begawan Mudim Haji Adenan. Naib Johan — Dayang Aishah binti Begawan Mudim Haji Adenan. Pemenang Ketiga — Dayang Taibah binti Kudi.

PERSIDANGAN M.M D. BRUNEI DAN MUARA

BANDAR BRUNEI. — Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara telah mengadakan persidangan-nya yang ke-delapan di-Dewan Kemasyarakatan Bandar Brunei pada pagi kelemarin.

Satu saja usul telah di-bincangkan oleh majlis tersebut. Usul itu di-bawa oleh Awang Haji Ya'akub bin Awang Zainal, Wakil kawasan Sumbiling, Brunei dan usul ini telah di-pindahkan sa-belum di-luluskan oleh majlis.

Usul yang di-luluskan itu menasehatkan Kerajaan supaya membaiki lagi kawalan2 lalu lintas ka-atas kenderaan dan orang ramai dalam Daerah Brunei dan Muara.

Pertandingan Bintang Radio Brunei Kejohanan Daerah Belait telah di-langsungkan di-Dewan Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait pada malam Sabtu yang lalu. Dalam gambar ini kelihatan Biduan2, Biduanita2, Juruhebah2 Radio Brunei, para Hakim dan lain2-nya yang bertugas semasa di-langsungkan Pertandingan Menyanyi tersebut.

Satu pemandangan kawasan baru Kumpulan Lori2 Jabatan Kerja Raya di-Workshop J.K.R. Brunei. Semasa lawatan Pengarang akhbar ini ke-kawasan itu pada petang hari Juma'at yang lalu, pejabat dan kawasan baru itu serta lori2 kelihatan bersebelahan. Berdiri di-kiri sekali dalam gambar ini ia-lah Pengetua, Kumpulan Lori2 J.K.R. Brunei, Awang Haji Suhaili bin Haji Bakar.



Pertandingan Bintang Radio Daerah Belait Berjaya

KUALA BELAIT. — Seramai 20 orang biduan dan 8 orang biduanita telah mengambil bahagian dalam Pertandingan Bintang Radio Kejohanan Daerah Belait.

Pertandingan tersebut telah di-langsungkan di-Dewan Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait pada malam Sabtu yang lalu dan disaksikan oleh ramai para penonton dan keputusan-nya ada-lah seperti berikut:

LELAKI

BAHAGIAN LANGGAM: Johan — Mohamed Zain Othman. Naib

Johan — Bujang Mazenis. **BAHAGIAN ASLI:** Johan — M. B. M. Mohamed. Naib Johan — Mohamed Zain Othman.

WANITA

BAHAGIAN LANGGAM: Johan — S. Mahani. Naib Johan — Dayangku Aminah Pengiran Said.

BAHAGIAN ASLI: Johan — Zainon Jamil. Naib Johan — Suraya Salleh.

Penyanyi yang menjadi Johan dalam tiap2 bahagian tersebut akan mewakili Daerah Belait dalam Pertandingan Bintang Radio Kejohanan Negeri Brunei pada masa sambutan Hari Raya Puasa dalam bulan Januari tahun hadapan.

Dayang Masnah binti Mohamed Yusof, isteri Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail, Pegawai Saket Daerah Belait telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 pertandingan tersebut.

J. K. Perkhidmatan Masharakat Klab Rotary Brunei Di-Bentok

BANDAR BRUNEI. — Klab Rotary Antara Bangsa, Brunei telah membentok sa-buah Jawatan Kuasa untuk melaksanakan projek2 bagi faedah masharakat di-Negeri Brunei.

Jawatan Kuasa itu ia-lah Jawatan Kuasa Perkhidmatan Masharakat dan Anggota2-nya ia-lah:

Pengerusi — Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin.

Setia Usaha — Awang Mohammed Zain Ariff.

Ahli2 Jawatan Kuasa: Dato Paduka P.A. Coates, Awang Haji Ali Khan, Doktor F.L. Mayor, Doktor Miyairi, Awang Lam Soo Man dan Awang V.A. George.

Jawatan Kuasa tersebut telah mengadakan persidangan-nya di-tempat kediaman Awang Lam Soo Man di-Jalan Merdeka, Brunei pada lewat petang hari Ithnin yang lalu dan merundingkan berbagai2 perkara yang mustahak.

Pada petang hari ini wakil2 Jawatan Kuasa tersebut akan mengadakan satu pertemuan dengan Pegawai Perubatan Negara, Dato Paduka Doktor P.I. Franks untuk merundingkan berkenaan dengan perkara2 yang bersangkutan paut dengan hadiah2 dari Klab Rotary Antara Bangsa, Brunei kepada orang2 sakit di-Rumah Sakit Besar Bandar Brunei pada Hari Raya Krismas, Hari Raya Puasa, Tahun Baru China dan lain2 perkara.

